

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Sejajar dengan kemajuan yang pesat dalam sektor perindustrian negara termasuk sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS), kerajaan sedang menggiatkan usaha untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan Bumiputera untuk menceburi bidang ini. Di samping peluang yang dinikmati dan kejayaan yang dikecapi, para usahawan Bumiputera juga berhadapan dengan pelbagai masalah dalam usaha membangunkan perusahaan masing-masing.

#### **1.1. Latar Belakang**

Dekad 1990an memperlihatkan satu fenomena baru dalam sejarah perkembangan ekonomi negara. Peralihan tunjang utama ekonomi yang sebelumnya berasaskan pertanian kepada perindustrian telah membuka banyak peluang kepada usahawan termasuk usahawan Bumiputera untuk membina tapak yang lebih kukuh dalam era pembangunan ekonomi negara. Menerusi Dasar Pembangunan Negara (DPN), kerajaan beriltizam untuk membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), ternyata telah membuka peluang yang lebih luas kepada para usahawan Bumiputera yang agak ketinggalan dalam sektor ekonomi.

Aktiviti keusahawanan Bumiputera dipergiatkan dan didorong oleh kerajaan melalui pelbagai jentera kerajaan dan swasta mempunyai objektif utamanya adalah untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu menyusun semula masyarakat dan membasmikan kemiskinan. Penglibatan kaum Bumiputera dalam industri

pembuatan masih baru berbanding dengan kaum-kaum lain yang telah lama berkecimpung dalam bidang ini iaitu sejak negara belum mencapai kemerdekaan. Usaha kerajaan untuk menggerakkan minat Bumiputera dalam bidang keusahawanan melalui DEB pada 1970 telah mendedahkan mereka kepada industri pembuatan iaitu suatu bidang yang amat mencabar dalam sektor perindustrian.

Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai skim dalam usaha memperkenalkan industri pembuatan kepada usahawan Bumiputera. Ini termasuklah usaha-usaha untuk menambahkan jumlah usahawan Bumiputera dalam sektor IKS. Matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara industri sepenuhnya menjelang tahun 2020 memerlukan pergantungan yang tinggi terhadap sektor IKS. Mengikut bancian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian (MITI) pada 1989, didapati bahawa daripada 28,335 pertubuhan perindustrian di Malaysia, 92.6 peratus daripadanya terdiri daripada IKS. Sumbangan IKS kepada ekonomi negara adalah penting iaitu dengan menyumbangkan 40.0 peratus daripada peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan dan 20.0 peratus sumbangan kepada nilai ditambah.<sup>1</sup>

Kerajaan melihat kepentingan IKS sebagai satu mekanisme yang paling berkesan untuk menambah bilangan usahawan Bumiputera. Ahli-ahli sains sosial berpendapat bahawa dengan sifat IKS yang lebih berorientasikan buruh, maka IKS merupakan agen pembangunan ekonomi yang dapat mengagihkan pendapatan dengan lebih adil kerana penggunaan tenaga manusia memberi peluang kepada rakyat untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan. Ini adalah berbeza dengan syarikat-syarikat besar di mana pendapatan yang berbentuk keuntungan biasanya dinikmati oleh para

---

<sup>1</sup> **Bumiputera dan Industri: Status Masa Kini, Masalah Dan Cadangan Mempertingkatkan Penyertaan Usahawan Bumiputera**, Seminar Mengenai Matlamat Dan Peranan Kementerian Pembangunan Keusahawanan, anjuran Kementerian Pembangunan dan Keusahawanan, 13 Jun 1995, Kuala Lumpur, m.s. 3

pemegang saham. Justeru itu, dengan sumbangan besar IKS kepada pertumbuhan ekonomi negara, keuntungan dan pulangan yang diperolehi oleh usahawan-usahawan IKS dapat diagihkan secara berkesan kepada kaum Bumiputera. Agenda kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tokoh-tokoh usahawan Bumiputera seperti Allahyarham Tan Sri Yahya Ahmad, Tan Sri Tajuddin Ramli, Tan Sri Shamsuddin Abd Kadir dan Tan Sri Wan Azmi Hamzah perlu dimulakan daripada penggembangan usahawan-usahawan IKS ini. Usaha ini boleh dijalankan dengan mewujudkan pelbagai skim seperti skim payung dan skim franchise.

Memandangkan penyertaan Bumiputera yang masih baru dalam bidang IKS, maka usahawan-usahawan Bumiputera sering dikaitkan dengan masalah-masalah yang mempengaruhi prestasi mereka. Bidang keusahawanan sememangnya diakui sebagai bidang yang amat mencabar. Ia bukan sahaja memerlukan individu yang memiliki pengetahuan asas mengenai bidang pembuatan dan perniagaan, tetapi juga memiliki sifat-sifat peribadi yang unggul seperti kemahuan untuk mencapai cita-cita dan sifat berdikari yang tinggi.

Sektor IKS merupakan bidang yang paling mencabar dalam dunia keusahawanan kerana ia melibatkan aktiviti pembuatan. Justeru itu, usahawan perlulah mengetahui sedikit sebanyak tentang aspek-aspek pengeluaran bagi memastikan pengeluaran barang berjalan dengan lancar. Tidak seperti ahli-ahli perniagaan yang lebih berorientasikan keuntungan dan adakalanya dipengaruhi oleh unsur-unsur spekulasi, usahawan IKS perlu mengambilberat aspek-aspek pengeluaran kerana ia merupakan nadi utama sesebuah syarikat yang diterajui.

## **1.2. Pernyataan Masalah**

Dalam usaha membangunkan syarikat IKS masing-masing, usahawan-usahawan Bumiputera terutamanya berhadapan dengan cabaran-cabaran sama ada yang bersifat masalah-masalah dalaman mahu pun luaran. Masalah-masalah ini dipengaruhi oleh sama ada latar belakang peribadi mahu pun ciri-ciri syarikat itu sendiri. Seterusnya, masalah-masalah ini mempengaruhi prestasi usahawan bergantung kepada sejauhmana tahap kritikalnya sesuatu masalah dan sejauhmana usahawan mampu mengatasinya masalah-masalah tersebut.

Keadaan ini perlu diambil perhatian kerana masalah-masalah yang dihadapi ini sedikit sebanyak menjelaskan prestasi usahawan dan mengganggu usaha-usaha nasional untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan Bumiputera. Kerajaan mahu pun pihak swasta perlu mencari jalan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dengan kaedah penggubalan polisi, menambah peluang-peluang perniagaan, menyediakan kemudahan infrastruktur dan mempertingkatkan bilangan buruh separa mahir dan mahir.

## **1.3. Skop Kajian**

Kajian ini menumpukan kepada bidang keusahawanan yang menjadi perhatian utama pada masa kini iaitu Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Kajian yang dijalankan adalah mengenai keusahawanan Bumiputera iaitu untuk mengetahui apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan Bumiputera yang menyertai IKS. Penyelidikan ini menumpukan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan Bumiputera di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Secara khususnya, isu-isu yang

cuba diperbincangkan dalam kajian ini adalah untuk menjawab beberapa persoalan berikut:

1. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang peribadi dengan ketiga-tiga kategori masalah iaitu masalah dalaman, masalah luaran dan gabungan masalah dalaman dan luaran yang dihadapi oleh responden.
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang syarikat dengan ketiga-tiga kategori masalah iaitu masalah dalaman, masalah luaran dan gabungan masalah dalaman dan luaran yang dihadapi oleh responden.
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara ketiga-tiga kategori masalah iaitu masalah dalaman, masalah luaran dan gabungan masalah dalaman dan luaran dengan prestasi responden.
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang peribadi dengan prestasi responden.
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara latar belakang syarikat dengan prestasi responden.

#### **1.4. Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini boleh dilihat daripada aspek teori dan praktikal iaitu:

##### **(a) Di Segi Teori**

Walaupun pelbagai kajian mengenai bidang keusahawanan telah lama berkembang di negara ini tetapi kajian mengenai usahawan IKS amnya dan usahawan Bumiputera khasnya masih jauh ketinggalan.

Di negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Taiwan, bidang kajian mengenai keusahawanan dan IKS telah banyak dijalankan oleh sama ada masyarakat awam ataupun ahli-ahli akademik sejajar dengan kepentingan IKS dalam sektor ekonomi tersebut.

Memandangkan IKS merupakan satu bidang yang kini mula diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan, maka kajian mengenainya perlu dijalankan untuk menghasilkan sebarang penemuan yang dapat memberi kefahaman yang jelas mengenai IKS daripada perspektif negara kita sendiri. Dengan adanya penemuan dalam kajian ini, ia akan digunakan untuk menggambarkan masalah-masalah yang sering dihadapi oleh usahawan Bumiputera IKS. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada penyelidikan ini boleh digunakan sebagai asas untuk mengembangkan kajian akademik mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan-usahawan Bumiputera IKS di negara ini.

### **(b) Di Segi Praktikal**

Melalui kajian ini, masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan dapat dikenalpasti. Masalah-masalah yang sering dihadapi oleh usahawan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu masalah dalaman, masalah luaran dan masalah dalaman dan luaran. Sebarang penemuan dalam kajian ini dapat membantu para penggubal dasar sama ada di pihak awam mahu pun swasta memahami sejauhmana seriusnya masalah-masalah yang dihadapi oleh para usahawan Bumiputera.

### **1.5. Objektif Kajian**

Objektif-objektif utama dalam kajian ini ialah:-

1. Untuk menganalisa masalah-masalah utama yang sering dihadapi oleh usahawan Bumiputera yang terlibat dalam IKS termasuk melihat sejauhmana masalah-masalah tersebut mempengaruhi prestasi usahawan yang berjaya atau usahawan yang kurang berjaya.
2. Untuk menyediakan satu kefahaman asas kepada para penggubal dasar mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan, termasuk sejauhmana keberkesanan polisi-polisi yang telah dijalankan untuk membantu para usahawan IKS.
3. Untuk menjadikan penemuan-penemuan yang terhasil dalam kajian ini sebagai asas kepada beberapa cadangan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh para usahawan Bumiputera.

### **1.6. Hipotesis Kajian**

Sebagai panduan untuk kajian ini, hipotesis-hipotesis tertentu telah dibina, (Sebagai panduan kepada hipotesis yang dibina, sila rujuk Model 1.1, muka surat 12). Khususnya, hipotesis-hipotesis tersebut telah dibina berdasarkan tiga kategori iaitu:

#### **1. Latar belakang responden dan masalah-masalah yang dihadapi :**

- a) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah tahap pendidikan responden dengan masalah-masalah yang dihadapi.
- b) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah tempat dibesarkan responden dengan masalah-masalah yang dihadapi.

- c) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah pekerjaan terdahulu responden dengan masalah-masalah yang dihadapi.
- d) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah pengalaman berniaga responden dengan masalah-masalah yang dihadapi.

**2. Latar belakang syarikat dan masalah-masalah yang dihadapi :**

- a) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah sama ada responden menerima bantuan khidmat nasihat dengan masalah-masalah yang dihadapi.
- b) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah sama ada responden menerima bantuan teknikal dengan masalah-masalah yang dihadapi.
- c) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah sama ada responden menerima bantuan subsidi dan sewa dengan masalah-masalah yang dihadapi.
- d) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah sama ada responden pernah menjalani latihan dengan masalah-masalah yang dihadapi.
- e) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah jenis latihan yang diterima responden dengan masalah-masalah yang dihadapi.
- f) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah sama ada responden menyertai skim vendor dengan masalah-masalah yang dihadapi.
- g) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah sama ada responden menyertai skim vendor dengan masalah-masalah yang dihadapi.
- h) Terdapat hubungan yang signifikan di antara saiz syarikat dengan masalah-masalah yang dihadapi.

**3. Masalah-masalah yang dihadapi dan prestasi responden.**

- a) Terdapat hubungan yang signifikan di antara masalah dalaman yang dihadapi dengan prestasi responden.
- b) Terdapat hubungan yang signifikan di antara masalah luaran yang dihadapi dengan prestasi responden.
- c) Terdapat hubungan yang signifikan di antara gabungan masalah dalaman dan luaran yang dihadapi dengan prestasi responden.

**4. Latar belakang peribadi individu dengan prestasi responden.**

- a) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah tahap pendidikan dengan prestasi responden.
- b) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah tempat dibesarkan dengan prestasi responden.
- c) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah pekerjaan terdahulu dengan prestasi responden.
- d) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah pengalaman bermiaga dengan pretasi responden.

### 5. Latar belakang syarikat dan prestasi responden.


- a) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah sama ada menerima bantuan khidmat nasihat dengan prestasi responden.
- b) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah sama ada menerima bantuan teknikal dengan prestasi responden.
- c) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah sama ada menerima bantuan subsidi dan sewa dengan prestasi responden.
- d) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah sama ada pernah menjalani latihan dengan prestasi responden.
- e) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah jenis latihan yang pernah dijalani dengan prestasi responden.
- f) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah sama ada menyertai skim vendor dengan prestasi responden.
- g) Terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah saiz syarikat dengan prestasi responden.

### 1.7. Model Kajian

Rajah 1.1 dibina berdasarkan ulasan bahan dalam bab II. Model ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu, pembolehubah tidak bersandar (independent variable) yang terdiri daripada latar belakang peribadi dan latar belakang syarikat iaitu tahap pendidikan, tempat dibesarkan, pekerjaan terdahulu, pengalaman berniaga, sama ada menerima bantuan khidmat nasihat, sama ada menerima bantuan teknikal, sama ada menerima bantuan subsidi dan sewa, sama ada pernah menjalani latihan, jenis latihan yang pernah diikuti, sama ada menyertai skim vendor dan saiz firma.

Pembolehubah kedua adalah pembolehubah perantara (intervening variable) yang mana item-itemnya terdiri daripada tiga masalah utama iaitu masalah dalaman, masalah luaran dan gabungan masalah dalaman dan masalah luaran. Masalah-masalah yang dikategorikan sebagai masalah dalaman termasuklah masalah pengurusan, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan pengeluaran manakala masalah-masalah luaran termasuklah masalah persaingan, peraturan kerajaan, khidmat nasihat, kerjasama dengan usahawan Bumiputera, kerjasama dengan usahawan bukan Bumiputera, bahan mentah, dan inflasi. Masalah pemasaran tempatan, pemasaran untuk eksport, lokasi, pekerja mahir teknologi dan pembiayaan kewangan pula dikategorikan sebagai gabungan masalah dalaman dan luaran. Manakala pembolehubah ketiga pula adalah pembolehubah bersandar (dependent variable) iaitu prestasi usahawan sama ada usahawan tersebut tergolong sebagai usahawan berjaya atau usahawan kurang berjaya.

Model kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah perantaraan yang seterusnya mempengaruhi pembolehubah bersandar. Gambaran hubungan dan pertalian antara pembolehubah-pembolehubah ini dapat diterangkan oleh Rajah 1.1 .

**Rajah 1.1****Model Kajian Masalah-masalah Usahawan Bumiputera Dalam Sektor IKS**

*Sumber: Binaan model sendiri hasil daripada pembacaan meluas seperti dalam Bab II*

## 1.8. Metodologi Kajian

Beberapa kaedah metodologi telah digunakan dalam kajian ini. Antara item-item dalam metodologi yang digunakan dalam melakukan kajian ini adalah teknik pemilihan sampel, teknik menganalisa data yang telah dikumpulkan daripada responden, kaedah pengukuran prestasi, soal selidik yang digunakan, kaedah pengumpulan maklumat dan teknik-teknik mendapatkan data.

### 1. Teknik-teknik Mendapatkan Data

Data-data yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada data primer dan data sekunder.

#### a) Pengumpulan Data Sekunder

Dalam proses pengumpulan data-data sekunder, beberapa kaedah pengumpulan data digunakan, antaranya ialah dengan menjalankan kajian perpustakaan. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan latar belakang bidang kajian seperti definisi-definisi dan konsep-konsep keusahawanan. Kajian perpustakaan adalah penting untuk mendapatkan gambaran asas terhadap bidang yang dikaji.

Rujukan-rujukan yang dijalankan adalah ke atas buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal keusahawanan serta majalah-majalah yang berkaitan dengan bidang yang dikaji sama ada ianya dihasilkan oleh penulis-penulis tempatan mahupun luar negara. Dua buah perpustakaan utama yang terlibat dengan kajian ini adalah:

(i) Perpustakaan Universiti Malaya

(ii) Perpustakaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

### b) Pengumpulan Data Primier

Penggunaan soal selidik adalah kaedah pengumpulan data yang paling penting dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat-maklumat daripada responden. Tujuan soal selidik adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai masalah-masalah yang dihadapi dan kesannya kepada prestasi responden. Soal selidik ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang peribadi responden dan latar belakang syarikat. Setiap responden diberikan satu set borang soal selidik dan mereka diberi kebebasan untuk menjawab soal selidik.

Sebanyak 200 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah borang kaji selidik yang telah dikembalikan adalah sebanyak 40 iaitu 16 dari Selangor dan 24 dari Kuala Lumpur. Jumlah borang soal selidik yang dikembalikan ini meliputi 20.0 peratus daripada jumlah borang soal selidik yang telah diedarkan.

### 2. Soal Selidik

Soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini adalah soalan-soalan tertutup. Tujuan penggunaan soalan-soalan tertutup adalah untuk memastikan agar responden dapat menjawab dalam masa yang singkat. Di samping itu, kaedah ini juga dapat mengatasi masalah kesuntukan masa dalam usaha menyiapkan kajian ini. Item-item yang terdapat dalam model kajian seperti dalam Rajah 1.1 menjadi asas utama pembentukan soalan-soalan dalam soal selidik ini.

Soalan-soalan dalam borang soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu butir-butir peribadi, maklumat umum perniagaan masalah-masalah yang dihadapi.

Bahagian A mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, sebab menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan bagaimana mereka memulakan perniagaan. Manakala dalam Bahagian B pula, soalan-soalan yang dibina adalah berkaitan dengan maklumat-maklumat umum perniagaan seperti taraf perniagaan, jenis perniagaan, jumlah pekerja, modal permulaan perniagaan, modal perniagaan masa kini, pendapatan bersih bulanan dan pengalaman perniagaan. (Tujuan utama bahagian ini adalah untuk mengadakan pengukuran prestasi kejayaan responden). Tiga item utama yang digunakan untuk mengukur prestasi usahawan adalah (i) peratus pertambahan modal, (ii) pendapatan bersih bulanan dan (iii) jumlah pekerja. Bahagian C mengemukakan masalah-masalah sama ada masalah yang bersifat dalaman, luaran mahupun gabungan masalah dalaman dan luaran.

### **3. Kaedah Mengumpulkan Data Mengenai Responden**

Data mengenai responden diperolehi melalui borang kaji selidik. Alamat-alamat responden yang terlibat dalam kajian ini diperolehi daripada beberapa agensi kerajaan iaitu Kementerian Pembangunan Keusahawanan dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Bagi tujuan mendapatkan maklumat, pegawai-pegawai di kedua-dua agensi tersebut telah dihubungi dan meminta kebenaran mereka untuk mendapatkan alamat-alamat responden. Berdasarkan alamat yang diberikan, responden telah dihubungi melalui surat yang disertakan dengan borang kaji selidik. Bersama surat tersebut juga disertakan surat daripada Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran yang menyatakan tujuan kajian ini dijalankan.

#### **4. Persampelan Data**

Persampelan data yang digunakan dalam kajian ini adalah mengikut kaedah strata iaitu pemilihan responden adalah berdasarkan jenis perniagaan yang diceburi. Jenis-jenis perniagaan yang diceburi oleh responden adalah terbahagi kepada sektor makanan, perabot, plastik, elektrik dan elektronik, logam, kimia, pakaian, percetakan dan peralatan kereta.

#### **5. Analisa Data**

Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada borang selidik akan dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS/PC+ (Statistical Package for the Social Sciences). Hasil pengumpulan dan pemprosesan data-data tersebut akan digunakan untuk mengukur taburan frekuensi. Kaedah statistik chi-square ( $\chi^2$ ) digunakan untuk menunjukkan hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah perniagaan dengan faktor kejayaan usahawan. Dalam kaedah statistik chi-square ini, tahap paras pengujian ditetapkan pada paras signifikan kurang 0.05 atau lima peratus.

#### **1.9. Batasan-batasan Kajian**

- a) Kajian ini hanya melibatkan responden yang berada di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Oleh itu, perbincangan dan penemuan dalam kajian ini terbatas hanya kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh responden yang berada di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perbincangan dan penemuan yang ditemui dalam kajian ini tidak dapat menggambarkan dengan tepat tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan di tempat-tempat lain.

- b) Jumlah responden yang mengembalikan borang kaji selidik hanyalah 40 orang iaitu 20.0 peratus daripada jumlah borang kaji selidik yang telah diedarkan. Peratusan responden yang rendah mengembalikan borang kaji selidik mungkin disebabkan kesibukan mereka menjalankan perniagaan masing-masing. Penemuan kajian ini adalah berdasarkan maklumat yang didapati daripada hanya 40 borang kaji selidik tersebut, maka penemuan yang diperolehi kurang menggambarkan keadaan sebenar. Penemuan yang lebih berkualiti mungkin boleh dihasilkan jika lebih ramai responden yang memulangkan borang kaji selidik.
- c) Maklumat-maklumat asas dalam kajian ini diperolehi daripada borang kaji selidik. Kaedah ini digunakan adalah dengan tujuan untuk menjimatkan masa dan membolehkan soalan-soalan yang dikemukakan berfokus kepada persoalan-persoalan utama dalam kajian iaitu tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh para responden. Ketepatan maklumat yang diberikan bergantung kepada keikhlasan responden sewaktu menjawabnya. Jawaban yang diberikan responden adalah bersifat subjektif, jika responden menjawab dengan tepat, maka tepatlah hasil penemuan dalam kajian ini dan sebaliknya.

## **1.10. Susunan Bab-bab**

Penyelidikan ini akan dibahagikan kepada enam bab. Bab I adalah pengenalan bagi kajian ini yang meliputi perbincangan skop, objektif kajian, kepentingan kajian, hipotesis kajian, batas-batas kajian dan metodologi yang digunakan.

Bab II membincangkan mengenai ulasan bahan-bahan bacaan, iaitu, definisi-definisi dan konsep-konsep asas berkenaan dengan usahawan dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Bab ini juga membincangkan perkara-perkara asas mengenai masalah-masalah yang dihadapi dan faktor-faktor yang menentukan kejayaan dan kegagalan usahawan Bumiputera khususnya yang menyertai IKS. Seterusnya, ulasan akan dilakukan terhadap laporan yang berkaitan bidang ini yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji pada masa yang lepas.

Bab III membincangkan mengenai situasi sektor perindustrian termasuklah berkenaan dengan penglibatan masyarakat Bumiputera dalam kegiatan ekonomi. Bab ini juga menyentuh mengenai kepentingan IKS di Malaysia dan institusi sokongan yang terlibat untuk membangunkan IKS.

Bab IV mengandungi perbincangan mengenai analisa terhadap maklumat peribadi responden dan latar belakang syarikat dan persepsi responden terhadap beberapa aspek kajian seperti yang diperolehi berdasarkan maklumat yang diisi oleh responden dalam borang kaji selidik.

Bab V memfokuskan perbincangan terhadap hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji dan pengujian terhadap hipotesis-hipotesis yang telah dibentuk sebagai panduan dalam kajian ini.

Bab VI membincangkan mengenai penemuan kajian keseluruhannya dan mengesyorkan cadangan-cadangan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh usahawan Bumiputera dalam sektor IKS dan penutup kepada kajian ini.